



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

28 - 30 JULAI 2025 (ISNIN - RABU)

1,083 Babi Positif ASF dilupus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Online	27 Julai



Gambar hiasan.

SEBERANG PERAI – Sebanyak 1,083 ekor babi yang dijangkiti wabak Demam Babi Afrika (ASF) di dua ladang ternakan babi di Tasek Gelugor di sini telah dilupuskan.

Jumlah itu sekali gus menjadikan keseluruhan empat ladang ternakan babi yang positif ASF di kawasan terbabit setakat ini.

Menurut Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, kesemua babi di dua ladang pertama telah

dilupuskan di tanah milik penternak masing-masing.

Katanya, bagi dua ladang yang terbaru, proses pelupusan akan dijalankan esok di tanah kerajaan berdekatan kawasan terbabit.

“Pelupusan untuk ladang ketiga dan keempat akan dibuat dengan sangat berhati-hati kerana kawasan ini agak berisiko dan kita tidak mahu jangkitan merebak ke ladang lain.

“Selain itu, kita masih belum dapat menganggarkan jumlah kerugian yang

dialami penternak akibat pelupusan ternakan yang dijangkiti.

“Ini adalah kerana apabila ia dikesan positif dijangkiti ASF, semua ternakan terpaksa dilupuskan dan kita kena lihat dulu berapa jumlah ternakan yang ada di ladang berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penutup Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Pulau Pinang yang dirasmikan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow di Institut MARDI, hari ini.

Untuk rekod Kampung Selamat mempunyai 63 ladang ternakan babi dengan anggaran 120,000 babi.

Terdahulu, media pada 12 Julai lalu melaporkan tiga ladang ternakan babi di Kampung Selamat, dekat sini disahkan positif penyakit ASF berdasarkan keputusan ujian makmal oleh Makmal Veterinar Zon Utara. -[KOSMO! ONLINE](#)

1,083 Babi Positif ASF Telah dilupus – JPV Pulau Pinang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Naisonl	Online	27 Julai



DR. Saira Banu (tengah) ketika ditemui semasa menghadiri Majlis Penutup Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Pulau Pinang di Kepala Batas, Pulau Pinang.-UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

KEPALA BATAS : Sebanyak 1,083 ekor babi yang dijangkiti wabak Demam Babi Afrika (ASF) di dua ladang ternakan babi di Tasek Gelugor di sini telah dilupuskan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, kesemua babi di dua ladang tersebut telah dilupuskan di tanah milik penternak masing-masing.

Katanya, ketika ini, terdapat

satu lagi ladang ternakan babi yang dikesan positif wabak berkenaan di kawasan itu sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan ladang ternakan yang dijangkiti ASF setakat ini telah meningkat kepada empat.

Beliau berkata, proses pelupusan babi yang dijangkiti wabak tersebut di dua lagi ladang ternakan dijangka dilaksanakan esok di tanah kerajaan berdekatan kawasan terbabit.

“Pelupusan untuk ladang

ketiga dan keempat ini akan dibuat dengan sangat berhati-hati kerana kawasan ini agak berisiko dan kita tidak mahu jangkitan merebak ke ladang lain.

“Selain itu, kita masih belum dapat menganggarkan jumlah kerugian yang dialami penternak akibat pelupusan ternakan yang dijangkiti.

“Ini adalah kerana apabila ia (babi itu) dikesan positif dijangkiti ASF, semua ternakan terpaksa dilupuskan dan kita kena lihat dulu berapa jumlah ternakan yang ada di ladang berkenaan,” katanya.


Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Penutup Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Pulau Pinang yang dirasmikan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow di Institut MARDI, hari ini.

Untuk rekod, di Tasek Gelugor sahaja khususnya di Kampung Selamat terdapat 63 ladang ternakan babi dengan anggaran 120,000 babi ditempatkan di situ.

Terdahulu iaitu pada 12 Julai lalu, tiga ladang ternakan babi di Kampung Selamat, dekat sini dikesan positif wabak ASF berdasarkan keputusan ujian makmal oleh

1,766 Kes Abai, Dera Haiwan disiasat DVS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	28 Julai



Datuk Arthur Joseph Kurup

KUALA LUMPUR, 28 Julai - Sebanyak 1,766 kes pengabaian dan penderaan haiwan telah disiasat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dari tahun 2020 hingga Jun tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, kementerian itu telah memperkenalkan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2021–2030 dalam usaha menangani isu ini secara bersepadu.

"Berdasarkan laporan

Veterinar dari tahun 2020 sehingga Jun 2025 sebanyak 1,766 aduan berhubung pengabaian dan penganiayaan haiwan telah disiasat.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak lima puluh dua (52) kes telah berjaya disabitkan bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada Ahli Parlimen Subang, Wong Chen berkenaan rangka kerja kebangsaan yang menyeluruh untuk

menangani penderaan haiwan terbiar di Dewan Rakyat.

Menerusi pelan strategik itu, ia menjadi rangka kerja jangka panjang untuk memastikan pengurusan haiwan di Malaysia mematuhi piawaian kebijakan dan membentuk masyarakat penyayang terhadap haiwan.

"KPKM dan DVS juga sentiasa bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), pihak berkuasa tempatan dan pakar kebijakan haiwan bagi pembangunan berterusan untuk memperkuatkan kebijakan haiwan," katanya lagi.

Antara inisiatif utama termasuk program libat urus dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi kawalan haiwan terbiar, pengurusan aduan melalui Sistem MyAnimal Welfare, kempen kesedaran awam, serta pembangunan modul pendidikan kebijakan haiwan untuk prasekolah.

KPKM melalui DVS amat mengambil berat tentang isu penderaan dan pembunuhan haiwan di negara ini khususnya yang berkaitan dengan haiwan terbiar.-

BERITARTM

DVS Siasat 1,766 Aduan Penganiayaan Haiwan Sejak 2020

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	28 Julai



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,766 aduan berhubung pengabaian dan penganiayaan haiwan disiasat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dari tahun 2020 sehingga Jun 2025.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, berdasarkan jumlah itu, sebanyak 52 kes berjaya disabitkan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Bagi menangani kes penderaan dan pembunuhan haiwan yang berlaku di

negara ini, DVS membangunkan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2021-2030.

"Pelan ini satu rangka kerja jangka panjang bertujuan memastikan pengurusan haiwan yang dijalankan di negara ini mengikut piawaian kebajikan haiwan serta memupuk masyarakat supaya mempunyai sifat sayang dan ihsan kepada haiwan," katanya sewaktu pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Wong

Chen (PH-Subang) mengenai pengenalan rangka kerja kebangsaan yang menyeluruh untuk menangani penderaan haiwan terbiar di negara ini.

Mengulas lanjut, Arthur berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan DVS juga sentiasa bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pakar bagi pembangunan berterusan untuk memperkuuhkan kebijikan haiwan.

Bagi tujuan itu katanya, antara aktiviti yang dilaksanakan adalah program libat urus DVS dengan PBT bagi mencari jalan penyelesaian berhubung isu kawalan pembunuhan haiwan dan pengurusan haiwan terbiar serta pengukuhan pengurusan aduan kebijikan dan penganiayaan haiwan melalui Sistem Myanimal Welfare.

Katanya, aktiviti lain yang dilaksanakan adalah program kesedaran, pendidikan dan promosi kebijikan haiwan kepada semua lapisan masyarakat, selain mengadakan kerjasama bersama media bagi mengemaskini isu terkini berkaitan penderaan, pengabaian dan kebijikan

"Aktiviti seterusnya yang dilaksanakan ialah Pembangunan Pek Sumber Kebajikan Haiwan @ Prasekolah dalam bentuk bahan pendidikan untuk memberi kesedaran awal mengenai penganiayaan dan kebijikan haiwan sejak awal pendidikan kanak-kanak," katanya.-[MYMETRO](#)

DVS Siasat Lebih 1,700 Kes Penganiayaan Haiwan Sejak 2020

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita TV3	Nasional	Online	28 Julai



Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup – Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Sebanyak 1,766 aduan berhubung pengabaian dan penganiayaan disiasat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dari tahun 2020 sehingga Jun 2025.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, berdasarkan jumlah itu, sebanyak 52 kes berjaya disabitkan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

“Bagi menangani kes penderaan dan pembunuhan

haiwan yang berlaku di negara ini, DVS membangunkan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2021-2030.

“Pelan ini satu rangka kerja jangka panjang bertujuan memastikan pengurusan haiwan yang dijalankan di negara ini mengikut piawaian kebijakan haiwan serta memupuk masyarakat supaya mempunyai sifat sayang dan ihsan kepada haiwan,” katanya sewaktu pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Wong Chen (PH-Subang) mengenai pengenalan rangka kerja kebangsaan yang menyeluruh untuk menangani penderaan haiwan terbiar di negara ini.

Mengulas lanjut, Arthur berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) dan DVS juga sentiasa bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pakar bagi pembangunan berterusan untuk memperkuatkuhan kebijakan haiwan.

Bagi tujuan itu katanya, antara aktiviti yang dilaksanakan adalah program libat urus DVS dengan PBT bagi mencari jalan penyelesaian berhubung isu kawalan pembunuhan haiwan dan pengurusan haiwan terbiar serta pengukuhan pengurusan aduan kebijakan dan penganiayaan haiwan melalui Sistem Myanimal Welfare.

Katanya, aktiviti lain yang dilaksanakan adalah program kesedaran, pendidikan dan promosi kebijakan haiwan kepada semua lapisan masyarakat, selain mengadakan kerjasama bersama media bagi mengemaskini isu terkini

berkaitan penderaan, pengabaian dan kebijakan haiwan.

"Aktiviti seterusnya yang dilaksanakan ialah Pembangunan Pek Sumber Kebajikan Haiwan @ Prasekolah dalam bentuk bahan pendidikan untuk memberi kesedaran awal mengenai penganiayaan dan kebijakan haiwan sejak awal pendidikan kanak-kanak," ujarnya lagi.-[BULETINTV3](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR